

MITOS DAN LEGENDA MURUT TAHOL DALAM KONTEKS PERUBATAN TRADISIONAL

NORMADIAH NASSIR

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **MITOS DAN LEGENDA MURUT TAHOL DALAM KONTEKS PERUBATAN TRADISIONAL**

IJAZAH: **MASTER OF ART (CREATIVE ART)**

Saya **NORMADIAH NASSIR**, Sesi pengajian **2014-2016**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disediakan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



PM DR. LOW KOK ON

Penyelia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Tulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

31 Ogos 2016



Normadiati Nassir
MA1411007T

PENGESAHAN

NAMA : NORMADIAH NASSIR
NO Matrik : MA1411007T
TAJUK : MITOS DAN LEGENDA MURUT TAHOL DALAM KONTEKS PERUBATAN TRADISIONAL
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)
TARIKH VIVA : 11 OGOS 2016

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Profesor Madya Dr. Low Kok On

Tandatangan



2. PENYELIA KEDUA

Dr. Suraya Sintang

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua orang penyelia, iaitu Profesor Madya Dr. Low Kok On dan Dr. Suraya Sintang kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat kepada pengkaji dalam sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Ribuan terima kasih dan sepenuh penghargaan juga pengkaji tujuhan kepada semua informan yang telah banyak membantu pengkaji semasa kerja lapangan dilakukan di Daerah Kecil Kemabong. Setinggi-tinggi terima kasih juga pengkaji tujuhan kepada semua pensyarah di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, khususnya kepada Dr. Humin Jusilin, Puan Jinky Jane C. Simeon dan semua pensyarah dalam bidang Seni Kreatif atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan oleh mereka kepada pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Seterusnya, pengkaji juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan Geran LRGS/TD/2012/USM-UKM/KT/03 kepada penyelia saya. Atas geran inilah pengkaji telah dilantik sebagai "Graduate Research Assistant". Dengan bantuan kewangan daripada geran ini, sebahagian daripada hasil penyelidikan telah dibentangkan dalam tiga persidangan antarabangsa. Sebahagian daripada dapatan penyelidikan ini telah diterbitkan dalam *Jurnal Gendang Alam* terbitan 2015. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Universiti Malaysia Sabah yang membenarkan pengkaji menggunakan kemudahannya untuk kerja-kerja penyelidikan.

Buat ibuku yang tersayang dan semua ahli keluarga lain yang disayangi, kalianlah yang memberikan pengkaji kekuatan dan ketabahan untuk menempuh segala dugaan yang dihadapi sepanjang penyelidikan ini. Sesungguhnya, segala puji dan syukur hanya untuk Tuhan dan segala kekurangan datang daripada pengkaji sendiri. Sekian, terima kasih.

Normadiah Nassir
MA1411007T

ABSTRAK

Mitos dan legenda ialah naratif lisan yang dipercayai benar oleh sesetengah orang sehingga ke masa ini. Pengkaji mitos dan legenda mendapati bahawa kedua-dua genre sastera rakyat ini mengandungi unsur kepercayaan dan ilmu pengetahuan orang yang terdahulu. Fokus kajian ini adalah terhadap unsur kepercayaan dan kearifan tempatan yang terkandung dalam mitos dan legenda yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol. Dalam kajian ini, kerja lapangan menemu bual informan yang berketurunan Murut Tahol di Daerah Kecil Kemabong, Tenom telah dijalankan. Sejumlah tujuh buah mitos dan tiga puluh dua buah legenda yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol telah dirakam, ditranskripsi dan dikategorikan menurut tema-tema. Tema-tema yang telah dikenal pasti seperti penciptaan dunia, asal usul manusia dan tumbuh-tumbuhan, asal usul bomoh, banjir besar, mimpi, tunjuk ajar makhluk ghaib dan banyak lagi akan dikupas berdasarkan analisis *Hermeneutics*. Selain itu, ilmu mengenal pasti jenis-jenis tumbuh-tumbuhan yang sesuai dijadikan ubat, pantang larang dan kaedah-kaedah penyediaan ubat-ubatan daripada tumbuh-tumbuhan tertentu turut akan dibincang dalam kajian ini. Kajian mendapati bahawa kepercayaan terhadap kuasa Aki Kaulung (Pencipta Murut Tahol), semangat baik, mimpi, kuasa ghaib dan pengalaman perubatan peribadi telah mempengaruhi amalan perubatan rohani dan fizikal etnik Murut Tahol sejak dari dahulu. Dari aspek lain, ilmu pengetahuan terhadap kawasan hutan yang ditumbuhi tumbuh-tumbuhan berubat, kaedah mengenal pasti ciri-ciri khusus pada tumbuh-tumbuhan, pengalaman serta pengetahuan menyediakan ubat-ubatan telah menonjolkan kearifan tempatan yang dimiliki oleh etnik Murut Tahol. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa mitos dan legenda amat mempengaruhi kepercayaan, pengamalan dan keyakinan pengamal perubatan tradisional etnik Murut Tahol secara turun-temurun.

ABSTRACT

MYTHS AND LEGENDS OF THE MURUT TAHOL IN THE CONTEXT OF TRADITIONAL HEALING

Myths and legends are oral narratives that are believed to be true by some to date. Researchers in the field of folklore found that myths and legends are rich in elements of beliefs and local wisdoms. The focus of this study is to analyze the elements of beliefs and the aspect of local wisdoms of the Murut Tahol ethnic group. The data of this study was gathered through interviews with Murut Tahol informants of the Kemabong subdistrict of Sabah. As a result, a total of seven myths and thirty two legends related to the traditional medication of the Murut Tahol ethnic group was recorded, transcribed and categorized according to various themes. Themes that found in the myths and legends of the Murut Tahol such as the creation of the world, the origin of man and plants, the origin of the healer, the great flood, dreams and so on will be analysed based on Hermeneutics analysis. In addition, local wisdom in relation to identifying the types of plants that are suitable to be used as medicines, taboos and the methods of converting certain plants into effective medicine will also be discussed. This study found that the beliefs in the divine power of Aki Kaulung (the Creator of Murut Tahol), good spiritual beings, dreams, supernatural powers and healing experience of certain individuals have great influence on the spiritual and physical healing of the Murut Tahol. The knowledge of identifying medicinal plants in the wild and the knowledge of preparing medicines are part of the local wisdom inherited by the Murut Tahol people. Last but not least, this study found that myths and legends indeed have great impact on the beliefs and practices of traditional healing in the Murut Tahol society.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI PETA	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Metodologi dan Kaedah Kajian	3
1.5	Kaedah Analisis Data	4
1.6	Lokasi Kajian	6
1.6.1	Daerah Kecil Kemabong	7
1.7	Asal Usul Etnik Murut Tahol Berasaskan Mitos	8
1.7.1	Etnik Murut Tahol: Satu Pengenalan	11
1.8	Definisi Mitos dan Legenda	16
1.9	Limitasi Kajian	18
1.10	Kepentingan Kajian	18
1.11	Penutup	19

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
-----	------------	----

2.2	Kajian Lepas Sastera Rakyat	24
2.3	Kajian Lepas Cerita Mitos dan Legenda	33
2.4	Kajian Lepas Perubatan Tradisional Etnik Peribumi Borneo	43
2.5	Kajian Lepas Perubatan Tradisional Etnik Murut	51
2.6	Ulasan Metodologi, Kaedah Kajian dan Teori	54
2.7	Penutup	57

BAB 3: KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN

3.1	Pengenalan	58
3.2	Kerja Lapangan	58
	3.2.1 Mengenal Pasti Lokasi Kajian	59
	3.2.2 Mengenal Pasti Informan	60
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	62
3.4	Menemu Bual Informan	62
	3.4.1 Temu Bual Secara Mendalam (<i>In Depth Interview</i>)	63
	3.4.2 Temu Bual Secara Berkumpulan (<i>Focus Group Interview</i>)	64
	3.4.3 Temu Bual Melalui Telefon	65
	3.4.4 Pemerhatian Secara Langsung (<i>Unobtrusive Observation</i>)	65
3.5	Hasil Kerja Lapangan	67
	3.5.1 Sinopsis Cerita Mitos yang Berkait dengan Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	69
	3.5.2 Sinopsis Cerita Legenda yang Berkait dengan Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	78
3.6	Penutup	104

BAB 4: ANALISIS MITOS DAN LEGENDA YANG BERKAIT DENGAN PERUBATAN TRADISIONAL ETNIK MURUT TAHOL

4.1	Pengenalan	105
4.2	Pengkategorian Cerita Mitos Mengikut Tema	106
	4.2.1 Mitos Penciptaan yang Berkait dengan Perubatan Tradisional	108
	4.2.2 Mitos Asal Usul Penjelmaan Tumbuh-tumbuhan	113

4.3	Pengkategorian Cerita Legenda Mengikut Tema	118
4.3.1	Legenda Asal Usul yang Berkait dengan Perubatan Tradisional	121
4.3.2	Legenda Tokoh Perubatan Tempatan	126
4.3.3	Memorat yang Berkait dengan Perubatan Tradisional	131
a.	Memorat yang Berkait dengan Perubatan Rohani	132
b.	Memorat yang Berkait dengan Perubatan Fizikal	138
4.4	Penutup	140

BAB 5: PERUBATAN TRADISIONAL ETNIK MURUT TAHOL

5.1	Pengenalan	143
5.2	Konsep Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	143
5.2.1	Perubatan Penyakit Rohani	147
5.2.2	Perubatan Penyakit Fizikal	153
5.2.3	Keyakinan Terhadap Keberkesanan Amalan Perubatan Tradisional	159
5.3	Pantang Larang dalam Amalan Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	163
5.3.1	Pantang Larang Sebelum Proses Perubatan Dilakukan	164
5.3.2	Pantang Larang Semasa Proses Perubatan Dilakukan	166
5.3.3	Pantang Larang Selepas Proses Perubatan Dilakukan	167
5.4	Tumbuh-tumbuhan yang Digunakan dalam Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	168
5.4.1	Jenis-jenis Penyakit dan Kaedah Penyediaan Tumbuh-tumbuhan Sebagai Ubat-ubatan	173
5.5	Unsur Kearifan Tempatan dalam Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol	175
5.6	Penutup	178

BAB 6: PENUTUP

180

BIBLIOGRAFI

187

SENARAI INFORMAN	195
GLOSARI	197
LAMPIRAN	200

x

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Senarai kampung pilihan di Daerah Kecil Kemabong	59
Jadual 3.2: Senarai informan di Daerah Kecil Kemabong, Tenom	61
Jadual 3.3: Kategori cerita mitos yang berkait dengan perubatan tradisional Etnik Murut Tahol	67
Jadual 3.4: Kategori cerita legenda yang berkait dengan perubatan tradisional Etnik Murut Tahol	68
Jadual 4.1: Mitos Penciptaan dan Mitos Asal Usul yang berkait dengan perubatan tradisional Etnik Murut Tahol	108
Jadual 4.2: Kategori legenda Etnik Murut Tahol yang berkait dengan perubatan tradisional	120
Jadual 5.1: Contoh bacaan <i>uwakin</i> oleh Amba'as bin Ribie (informan)	150
Jadual 5.2: Contoh bacaan <i>uwakin</i> oleh Ramayah binti Langkan (informan)	150
Jadual 5.3: Sasampui yang dilafazkan oleh Abibun bin Langkan (informan)	153
Jadual 5.4: Contoh "bacaan" yang dilafazkan oleh etnik Murut Tahol untuk mengelakkan daripada terkena penyakit sakit perut	158
Jadual 5.5: Jenis tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai ubat-ubatan oleh etnik Murut Tahol	170
Jadual 5.6: Jenis tumbuhan dan kaedah penyediaannya sebagai ubat-ubatan	174

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kaedah analisis data	5
Rajah 1.2: Tujuh lapisan dunia dalam kepercayaan etnik Murut Tahol	9

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1: Informan sedang mengenal pasti kepahitan yang ada pada sejenis tumbuhan	66
Gambar 3.2: Informan sedang menunjukkan kaedah menyediakan tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan	66
Gambar 3.3: <i>Luva</i> yang telah dikeringkan	77
Gambar 5.1: Encik Amba'as menunjukkan cara-cara menggunakan <i>luva</i>	149
Gambar 5.2: <i>Pamamavas ra inupi</i> (Senduduk hutan, <i>melandstoma malabathricum</i>)	151
Gambar 5.3: <i>Kusul taniou</i> (Jerangau, <i>acorus calamus</i>)	152
Gambar 5.4: <i>Tutuu malasia</i> (Pokok kapal terbang, <i>eupatorium odoratum linn</i>)	156
Gambar 5.5: <i>Vuyu</i> (Daun sirih hutan, <i>piper caninum</i>)	156
Gambar 5.6: <i>Kupi</i> (Daun kopi, <i>coffea arabica</i>)	157
Gambar 5.7: <i>Alaf</i> (Akar lalang, <i>imperata cylindrical L.</i>)	157

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Peta Daerah Tenom	6
Peta 1.2: Pembahagian mukim di Daerah Kecil Kemabong, Tenom	7
Peta 1.3: Petempatan masyarakat Murut di Sabah	14

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Meskipun setelah perkhidmatan perubatan moden diperkenalkan di negeri Sabah, etnik Murut Tahol yang tinggal di pedalaman Sabah masih bergantung kepada ubat-ubatan tradisional untuk mengubati pelbagai jenis penyakit yang dihadapi oleh mereka. Oleh hal yang demikian, etnik Murut Tahol secara turun-temurun didapati mahir dalam mengenal pasti pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang sesuai dijadikan ubat-ubatan tradisional. Selain itu, mereka juga arif dari segi kaedah menyediakan ubat-ubatan tradisional. Atas sebab ilmu perubatan tradisional ini disebarluaskan secara lisan, maka didapati pengetahuan yang berkait dengan pengubatan tradisional etnik Murut Tahol telah dirakamkan dalam bentuk mitos dan legenda. Sehubungan mitos dan legenda, Mohd. Taib Osman (1982: 33-35) mencatatkan bahawa berlainan dengan cerita rakyat yang dianggap sebagai fiksyen; mitos dan legenda ialah naratif lisan yang dipercayai benar oleh anggota masyarakat yang mewarisinya. Pemberi maklumat etnik Murut Tahol ketika ditemu bual turut mengesahkan bahawa mereka mempercayai mitos dan legenda yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

Mohd. Taib Osman (1988: 150) dalam kajiannya juga mencatatkan bahawa ilmu perbomohan dan perubatan tradisional dalam kalangan etnik peribumi di Malaysia diperoleh daripada cerita lisan orang tua-tua mereka. Dalam tinjauan awal yang pengkaji lakukan di beberapa buah kampung di sekitar Daerah Kecil Kemabong (Peta Daerah Sabah), didapati bahawa terdapat etnik Murut Tahol yang berumur dalam lingkungan empat puluh tahun dan ke atas, masih mengetahui dan mengingati cerita mitos dan legenda yang berkait dengan pengubatan tradisional mereka. Menurut beberapa orang informan yang ditemu bual, cerita-cerita ini sering dituturkan oleh ibu bapa dan datuk nenek mereka pada masa senggang mahupun ketika mereka mengubati pesakit di kampung. Dalam mitos dan legenda

juga ada dinyatakan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan sebagai ubat-ubatan serta kaedah penyediaan ubat-ubatan tersebut.

Sehubungan itu, Kasut bin Matawang dan Anduhun bin Malulur (informan) memberitahu bahawa pada masa dahulu, mitos dan legenda terutama yang berkait dengan pengubatan tradisional etnik Murut Tahol adalah penting untuk diketahui oleh anggota masyarakatnya. Melalui mitos dan legenda, asal usul pengubatan tradisional yang diwarisi oleh nenek moyang mereka dapat diketahui. Mitos dan legenda juga menjelaskan mengapa pengubatan tradisional penting kepada mereka. Oleh hal yang demikian, kedua-dua orang informan berkenaan juga memberitahu bahawa cerita mitos dan legenda yang berkait dengan pengubatan tradisional adalah antara cerita rakyat yang kerap dituturkan oleh kaum tua kepada ahli keluarga dan sanak saudara apabila mereka semua berkumpul.

1.2 Permasalahan Kajian

Secara turun-temurun, ilmu pengubatan tradisional Murut Tahol disebarluaskan dari satu generasi ke satu generasi lain secara lisan, sama ada dalam bentuk cerita ataupun melalui tunjuk ajar. Ilmu pengubatan tradisional Murut Tahol seperti ini didapati hanya disebarluaskan sesama ahli keluarga yang terdekat sahaja. Dengan kata lain, penyebaran ilmu pengubatan tradisional Murut Tahol sedemikian adalah terbatas. Ketika perkhidmatan perubatan moden mula diperkenalkan di Daerah Kecil Kemabong pada sekitar 1960-an, kebanyakan etnik Murut Tahol masih berpegang kuat kepada amalan pengubatan tradisional. Atas sebab peredaran zaman dan generasi muda etnik Murut Tahol mula menerima pendidikan moden, mereka mula yakin dengan perkhidmatan perubatan moden yang disediakan oleh kerajaan dan tidak begitu bergantung lagi kepada amalan pengubatan tradisional. Jika diamati, hanya mereka yang dalam lingkungan umur empat puluh tahun ke atas yang masih mengamalkan perubatan tradisional sehingga ke hari ini. Permasalahan yang timbul di sini adalah golongan yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini tidak lagi menyebarkan ilmu perubatan tradisional kepada ahli keluarganya seperti dahulu. Lebih-lebih lagi, golongan muda etnik Murut Tahol yang berpendidikan pada hari ini sudah tidak berminat untuk mempelajari ilmu perubatan tradisional apatah lagi berminat mendengar cerita seperti mitos dan

legenda yang mengandungi ilmu perubatan tradisional. Cerita mitos dan legenda yang disebarluaskan secara lisan sehingga ke hari ini mempunyai banyak maklumat penting seperti asal usul perubatan tradisional, jenis-jenis tumbuhan yang sesuai dijadikan ubat-ubatan dan kaedah penyediaan ubat-ubatan tradisional. Oleh hal yang demikian, ada baiknya warisan lisan yang merakamkan ilmu pengubatan tradisional etnik Murut Tahol ini dikaji dan ditonjolkan kepada umum agar memberikan manfaat kepada semua orang.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif-objektif kajian yang ingin dicapai di akhir penyelidikan ini ialah:

- a. Menjalankan kerja lapangan mengumpul, mentranskripsi dan mendokumentasi mitos dan legenda yang berkait dengan pengubatan tradisional etnik Murut Tahol di Daerah Kecil Kemabong, Sabah.
- b. Merakam kaedah penyediaan ubat-ubatan tradisional etnik Murut Tahol.
- c. Mengkategorisasi dan menganalisis mitos dan legenda yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol berdasarkan tema-tema yang telah dikenal pasti.
- d. Menganalisis konsep, pantang larang dan kearifan tempatan yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol berdasarkan mitos dan legenda.

1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan metodologi kerja lapangan (*fieldwork methodology*). Toelken (1996) dan Mohd. Taib Othman (1982) mencatatkan bahawa kerja lapangan mengumpul bahan tradisi lisan adalah metodologi utama dalam penyelidikan yang berkait dengan bidang foklor (*folklore*), iaitu segala pengetahuan dan tradisi rakyat. Metodologi ini merangkumi tiga peringkat utama, iaitu peringkat pengumpulan data (*collecting data*), peringkat dokumentasi hasil kerja lapangan (*archiving*) dan peringkat penganalisaan. Semasa

membuat kerja lapangan di lokasi kajian, ketiga-tiga peringkat tersebut perlu dilakukan pengkaji untuk memperoleh data kajian yang mencukupi.


Terdapat beberapa kaedah kajian yang diguna pakai oleh pengkaji dalam kerja lapangan, iaitu seperti kaedah temu bual secara individu dan kaedah temu bual secara berkumpulan. Untuk kajian ini, pengkaji akan menemu bual informan etnik Murut Tahol sahaja. Menemu bual secara individu memerlukan pengkaji untuk pergi ke kampung ataupun rumah informan bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan bahan kajian. Manakala, temu bual secara berkumpulan pula dilakukan oleh pengkaji dengan menemu bual beberapa orang secara serentak pada masa yang sama.

Kaedah pengumpulan data sekunder (*secondary data*) turut digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengumpulan maklumat tambahan dilakukan melalui kajian perpustakaan, arkib negeri, muzium dan juga laman web. Melalui kaedah ini, pengkaji boleh mendapatkan maklumat tambahan bagi menyokong analisis yang bakal dilakukan pengkaji kelak.

1.5 Kaedah Analisis Data

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan membuat analisis terhadap mitos dan legenda yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol. Mitos dan legenda yang bakal dianalisis akan dikategorikan kepada tema-tema tertentu. Selain itu, jenis-jenis tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai ubat-ubatan serta kaedah penyediaan ubat-ubatan turut merupakan data yang penting dalam kajian ini. Dalam penyelidikan kualitatif ini, kaedah analisis data yang bakal digunakan ialah analisis naratif seperti yang telah dikemukakan oleh Bernard dan Ryan (2010). Menurut Bernard dan Ryan (2010: 247), analisis naratif boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu i) *Sociolinguistics*, ii) *Hermeneutics*, iii) *Phenomenology* dan iv) *Grounded Theory*. Dalam penelitian pengkaji, analisis *Hermeneutics* atau lebih dikenali sebagai interpretasi kandungan teks (*interpreting the content of the text*) lebih sesuai digunakan untuk menganalisis tema-tema yang terdapat dalam mitos dan legenda yang berkait dengan perubatan tradisional etnik Murut Tahol ini. Analisis terhadap tema-tema yang terkandung dalam mitos dan legenda etnik

Murut Tahol akan dilakukan dengan dikaitkan dengan kepercayaan dan budaya etnik Murut Tahol turun-temurun. Dengan kata lain, pengkaji akan mengupas tema-tema yang ada pada mitos dan legenda yang berkait dengan pengubatan tradisional etnik Murut Tahol dalam konteks kepercayaan dan budaya mereka. Kaedah analisis data dalam kajian ini dijelaskan seperti Rajah 1.1 berikut.




Rajah 1.1: Kaedah analisis data.

Berdasarkan Rajah di atas, mitos dan legenda ialah data yang bakal diperolehi daripada lapangan. Mitos dan legenda yang telah diperolehi akan dikategorikan menurut tema-tema ceritanya. Selain itu, pengkaji akan mengenal pasti jenis tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai ubat-ubatan serta kaedah penyediaan

ubat-ubatan etnik Murut Tahol yang dirakamkan dalam mitos dan legenda mereka secara turun-temurun. Kesemua data kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis *Hermeneutics* dengan dikaitkan terhadap kepercayaan tradisional dan budaya etnik Murut Tahol. Dengan berbuat demikian, maka hasil dapatan kajian akan diperolehi oleh pengkaji.

1.6 Lokasi Kajian

Kajian ini tertumpu di Daerah Kecil Kemabong yang terletak di bawah pentadbiran Daerah Tenom. Pemilihan lokasi kajian ini adalah disebabkan oleh faktor penduduk di daerah tersebut yang hampir 90% daripada penduduknya berketurunan etnik Murut Tahol (Pegawai Daerah, Daerah Kecil Kemabong). Peta Sabah 1.1 berikut menunjukkan lokasi tempat kajian, iaitu Daerah Kecil Kemabong (warna hijau) yang terletak di bawah pentadbiran Daerah Tenom (warna merah jambu).




Peta 1.1: Peta Daerah Tenom.

Sumber : Diubahsuai daripada Google Map

1.6.1 Daerah Kecil Kemabong

Daerah kecil Kemabong yang terletak di bawah Daerah Tenom terbahagi kepada empat mukim, iaitu mukim Sapong, Kemabong, Rundum dan Tomani. Mukim Sapong mempunyai sebanyak 39 buah kampung; mukim Kemabong mempunyai sebanyak 37 buah kampung; mukim Rundum mempunyai sebanyak 13 buah kampung dan akhir sekali mukim Tomani mempunyai sebanyak 42 buah kampung (Sumber: Pejabat Daerah Kecil Kemabong 2014). Lokasi Daerah Kecil Kemabong berserta kedudukan keempat-empat mukim tersebut ditunjukkan seperti dalam Peta 1.2 berikut.



Peta 1.2: Pembahagian Mukim di Daerah Kecil Kemabong.

Sumber : Pejabat Daerah Kecil Kemabong, Tenom 2014

Sebanyak lapan buah kampung di Daerah Kecil Kemabong telah dijadikan sebagai lokasi kajian utama oleh pengkaji dalam menjalankan kerja lapangan. Kampung-kampung tersebut adalah Kampung Rumuli, Kampung Kemabong Baru, Kampung Imbon, Kampung Sugiang Ulu, Kampung Kalibatang Lama, Kampung

Tolokoson, Kampung Pamaluyan dan Kampung Patian yang terletak di Daerah Kecil Kemabong, Tenom.

Pemilihan kelapan-lapan kampung tersebut sebagai lokasi kajian utama dilakukan oleh pengkaji berdasarkan dua kriteria, iaitu pertama, semua kampung tersebut dihuni oleh etnik Murut Tahol. Seterusnya, kesemua kampung tersebut juga mempunyai informan yang masih mengetahui dan mengingati mitos dan legenda yang berkait dengan pengubatan tradisional etnik Murut Tahol. Bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat, beberapa orang informan yang dikenal pasti di setiap lokasi kajian berkenaan telah dipilih oleh pengkaji untuk ditemu bual.


Rata-rata informan etnik Murut Tahol yang telah dipilih dalam kajian ini adalah pengamal pengubatan tradisional. Oleh itu, semua antara mereka masih mengetahui dan mengingati mitos dan legenda berhubung pengubatan yang disampaikan oleh nenek moyang mereka. Selain itu, kesemua informan yang dipilih juga masih mengingati sebahagian besar jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan sebagai ubat-ubatan. Kaedah penyediaan tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan juga turut diingati dan masih diamalkan oleh mereka.

1.7 Asal Usul Etnik Murut Tahol Berasaskan Mitos

Asal usul etnik Murut Tahol dirakamkan dalam bentuk cerita mitos yang berkait rapat dengan pandangan dunia dan kepercayaan mereka turun-temurun. Berdasarkan maklumat yang telah diberikan oleh Kasut bin Matawang (informan), etnik Murut Tahol mempercayai bahawa pada mulanya, seluruh alam semesta ini tidak ada apa-apa kecuali Aki Kaulung (Pencipta Murut Tahol). Menurut beliau lagi, Aki Kaulung telah menciptakan dunia dan alam semesta serta seluruh isinya selama tujuh hari tujuh malam. Dunia yang telah dicipta oleh Aki Kaulung dipercayai terdiri daripada tujuh lapisan. Kesemua lapisan tersebut dikira daripada bawah sehingga ke atas kepada lapisan yang paling atas.

Sehubungan itu, Abdul Hakim Mohad (2011: 82-83) dalam kajiannya mencatatkan bahawa setiap lapisan dunia dalam kepercayaan etnik Murut Tahol mempunyai namanya yang tersendiri. Lapisan dunia pertama disebut sebagai

Ratuon (bawah) manakala lapisan kedua pula disebut sebagai *Ko Ruoh Nu Ratuon* (lapisan kedua daripada bawah). Seterusnya, *Ko Talu Nu Ratuon* (lapisan ketiga daripada bawah), *Tana Timbalu* (kawasan tanah yang bercampur-campur) dan *Titimbo* (lapisan atas bumi) masing-masing ialah lapisan ketiga, keempat dan kelima dunia. *Titimbo Limbowon* (lapisan langit) ialah lapisan keenam dan akhir sekali, lapisan ketujuh disebut sebagai *Limbowon* (langit). Tujuh lapisan dunia dalam kepercayaan etnik Murut Tahol ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.2 berikut.



Petunjuk:

Kedudukan	Nama lapisan bumi	Maksud
1	<i>Ratuon</i>	lapisan bawah
2	<i>Ko Ruoh Nu Ratuon</i>	lapisan kedua daripada bawah
3	<i>Ko Talu Nu Ratuon</i>	lapisan ketiga daripada bawah
4	<i>Tana Timbalu</i>	kawasan tanah yang bercampur-campur
5	<i>Titimbo</i>	lapisan bumi
6	<i>Titimbo Limbowon</i>	lapisan langit
7	<i>Limbowon</i>	langit

Rajah 1.2: Tujuh lapisan dunia dalam kepercayaan etnik Murut Tahol.

Sumber : Diubahsuai daripada Abdul Hakim Mohad, 2011

BIBLIOGRAFI

- Abd. Hakim Mohad. 2014. Spiritual Journey of Murut Tahol in Sabah and It's Effect to Their Headhunting Practice. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 4 (6): 426-429.
- Achdiati Ikram. 2009. Mitos: Dulu dan Kini. *Jurnal Pendar Penda*, Vol. 2 (4): 12-13.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid, Nurul Wahidah Binti Fauzi. 2012. Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun*, Vol. 7 (1): 149-162.
- A. Samad Ahmad (Peny). 1998. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Sue Harris. 1990. The Murut Tagal. Dalam Sherwood G. Lingenfelter (ed). *Social Organization of Sabah Societies*: 39-61 Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives Department.
- Aripin Said. 1996. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. 2013. Weltans Chauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi etnik di Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Vol. 6 (2): 139-154.
- Bernard, H. R. and Ryan, G. W. 2010. *Analyzing Qualitative Data: Systematic Approaches*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Besi_karusani. "Asal-usul Murut" dalam <http://Sabahmindakitani.forumtion.net/t23-asal-usul-murut>. Dilayari pada 22 Februari 2014.
- Campbell, J. 1988. *The Power of Myth*. New York: Anchor Books.
- Clarke, M. C. 1952. The Muruts Home. *Journal of Man*, Vol. 52: 17-18.
- Clifford, S. 2005. Words, Poetics and the Disclosure of Meaning in Saribas Iban Healing Rituals. *Borneo Research Bulletin*, Vol. 36: 139-162.
- Cohen, E. (eds.) 2006. A Systems Approach to Conduct an Effective Literature Reviewing Support of Information Systems Research. *Informing Science Journal/Vol. 9*: 181-212.
- Cook, O. 2007. *Borneo the Stealer of Hearts*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Cooper, H. M. 1988. "The structure of knowledge synthesis", *Knowledge in Society*, Vol. 1: 104-126.
- Copeland, A. J. 1935. Muruts of North Borneo: Malaria and Racial Extinction. *Lancet*, May, Vol. 228: 1233-1239.

- Creswell, W. J. 2003. *Research Design, Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. London: SAGE Publications.
- Cronin, P. et, al. 2008. Undertaking A Literature Review: A Step-by-Step Approach. *British Journal of Nursing*, Vol. **17** (1): 38-43.
- Danandjaja, J. 2002. *Folklor Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng, dan Lain-lain*. Jakarta: Grafiti.
- Dedi Supriadi. 1994. *Kreativitas, Kebudayaan dan Perkembangan IPTEK*. Bandung: ALFABETA.
- Duncan, H. et, al. 1985. *Tales of a Shaman: Jah Hut Myths, as Told by Batin Long bin Hok*. Singapore: Times Books International.
- Endicott, K. M. 1970. *An Analysis of Malay Magic*. Singapore: Oxford University Press.
- Fasihuddin B. Ahmad. 1993. *Medicinal Plants Used by the Dusun/Kadazan Community in Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Fatimah Hassan dan Hamid Mohd. Isa. 2014. Mitos dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong. *Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. **10** (5): 168-179.
- Fernandez, C. 1999. Contesting Colonial Discourse: Rewriting Murut History of Resistance in British North Borneo from 1881 to 1915. *Akademika*, Vol. **54**: 81-103.
- Fink, A. 1998. *Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet*. Thousand Oak: Sage, h. 3.
- Foo, J. 2014. Faktor Kelangsungan Pasaran Tumbuhan Ubatan di Tamu Pantai Barat Sabah: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. **10** (2): 115-126.
- Fung, J. M. 1998. The Legendary of Batu Punggul. *Sabah Society Journal*, Vol. **15**: 59-73.
- _____. 2000. Glimpses of Murut Shamanism. *SHAMAN*, Vol. **8** (2): 181-193.
- _____. 2002. "Toward a Paradigm Shift in Mission amongst the Indigenous Peoples in Asia." *FABC Papers* No. 105. Hong Kong: Federation of Asian Bishop's Conferences.
- _____. 2003. The Muruts: Spiritual World, Rituals and Shamanism. *Journal of Sabah Society*, Vol. **20**: 15-23.

_____. 2010. An Asian Liberation Theology of Sacred Sustainability: a Local Theology in Dialogue with Indigenous Shamanism. *Asian Horizons*, Vol. 4 (2): 401-415.

Hamidah Abdul Wahab. 2013. Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 1 (1): 89-97.

Hanafi Hussien. 2003. Bobohizan dan Peranannya di Kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang, Sabah. *Jati*, Vol. 8: 15-40.

_____. 2005. Ritual Padi Komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *Jati*, Vol. 10: 171-203.

Harun Mat Piah. 2003. *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hebransyah Usman et, al. 2014. Mitos Harimau dalam Tradisi Lisan Masyarakat Kerinci di Jambi, Sumatera. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol. 25: 25-46.

Hussain Othman. 2008. Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Vol. 26: 91-110.

Idris Awang dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2006. Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, Vol. 3: 133-156

Ismail Ibrahim. 2012. *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Ismail S. Charles. 2003. *Healing in Sabah: Mysteries of Illness and Well-Being*. Kota Kinabalu: Sabah Museum.

Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sabah. 2010. Bancian Penduduk Sabah Mengikut Daerah-daerah.

Jelajah Edisi Daus Di. "Adat dan Budaya Etnik Di Malaysia (Kaum Murut) dalam <http://bmpengurusan2010.blogspot.com/2010/09/kaum-murut.html>, Dilayari pada 22 Februari 2014.

Jocano, F. L. 2004. *Folk Medicine in a Philippine Municipality*. Manila: PUNLAD Research House.

John Aziz. 1991. *The Murut Long House for Space and Security*. Daily Express. Sunday 15, Disember.

Jones, L. W. 2007. *The Population of Borneo: A study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*. Kota Kinabalu: Opus Publication.

Kamal Azmi Abd. Rahman, Indriaty Ismail dan Mohd. Nasir Omar. Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat. Dalam *International Research Management and Innovation Conference 2014*, Kuala Lumpur, 17–18 November 2014.

King, M. Smith A. and Gracey, M. 2009. Indigenous Health Part 2: The Underlying Causes of the Health Gap. *The Lancet*, Vol. **374** (4): 76-85.

Kulip, J. 2003. An ethnobotanical survey of medicinal and other useful plants of Muruts in Sabah, Malaysia. *Telopea*, Vol. **10** (1): 81-98.

_____. 2005. Similarity of Medicinal Plants Used by Two Native Communities in Sabah, Malaysia. *Bioprospecting & Ethnopharmacology*, Vol. **1**: 81-85.

Kamonthip. 2007. Local Wisdom, Environmental Protection and Community Development: The Clam Farmers in Tambon Bangkhunsai, Phetchaburi Province, Thailand. *MANUSYA: Journal of Humanities*, Vol. **10** (1): 1-10.

Kluckhohn, Clyde. 1965. Recurrent Themes in Myths and Mythmaking. In Alan Dundes. *The Study of Folklore*. 158-174. Englewood: Prentice-Hall.

Knappert, J. 1977. *Myths and Legends of Indonesia*. Singapore: Hainneman Educational Books (Asia) Ltd.

Kntayya Mariappan & Paul porodong. (eds.) (2012). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di sabah*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).

Koentjaraningrat. 1982. *Manusia dan Kebudayaan*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Kothari, C. R. 2004. *Research Methodology, Research & Techniques*. New Delhi: New Age International (P) Limited, Publishers.

Lisitzky, G. 1963. *Four Ways of Being Human*. London: The Kestrel Press LTD.

Littrell, R. F. 2002. *A Literature Review: Critically Analysing Information Sources*. Germany: IBW-Fachhochschule.

Low Kok On. 2001. *Citra Wira Rakyat dalam Legenda Mat Salleh*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

_____. 2005. *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____. 2006. Reading Symbols and Mythical Landscape in the "Tambunan Dusun Origin Myth" of North Borneo. *IJAPS*, Vol. **2** (2): 29-50.

- _____. 2010. Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 28 (1): 151-175.
- _____. 2015. *Sorotan Literatur* (dalam Saidatul Nornis Haji Mahali et, al. (peny.). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Rofa Ismail. 2014. *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mershon, E. 2012. *With The Wild Men of Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Misteri Murut Tahol. *Berita Harian Online*, Diakses pada 11 November 2011.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2009. Latar Belakang Perbomohan Melayu: Satu Kajian Awal di Negeri Johor. *ASWARA*, Vol. 4 (2): 40-60.
- Mohd. Taib Osman (1978, May). Oral History and Oral Tradition: A Comparative Discussion on Approach and Methodology. *Presented at Colloquium on Oral History*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Khalid Taib. 1989. "Legenda Sebagai Genre Tradisi Lisan dan Relevansinya kepada Historiografi Melayu", *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: 21-23 Ogos, hlm.165-189.
- Mohd. Nizam Sahad. 2015. Penggunaan Azimat Pelaris Perniagaan Menurut Perspektif Akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Vol. 8 (1): 18-44.
- Mohd. Taib Othman. 1982. *Manual for Collecting Oral Tradition with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad bin Zakaria dan Mustafa Ali Mohd. 1992. *Tumbuhan dan Perubatan Tradisional*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid dan Mohd. Kipli Abdul Rahman. 2013. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara, Jilid 1 – Berasal dari Akar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 1994. "Genre Epik: Antara Kesukuan dan Kesejagatan". *Dewan Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 65-71.
- Normadiah Nassir dan Low Kok On. 2015. Penggunaan Tumbuh-tumbuhan dalam Pengubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah: Penelitian Terhadap Unsur Kearifan Tempatan. *Gendang Alam*, Vol. 5: 87-105.
- Normila Kamal. 2012. *Petua Segala Petua*. Kuala Lumpur: DARUL NU'MAN.
- Nur Aqidah A. Aziz et, al. 2013. Main Pateri dan Persekutaran Fizikal: Kajian Kes di Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Vol. 6 (2): 170-189.
- Nyoman Utari Vipriyanti. (2008, July). Banjar Adat and Local Wisdom: Community Management for Public Space Sustainability in Bali Province. *Paper presented in IASC 2008 12th Bienniel Conference*.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pathira Phon-ngam. 2013. A Development of Healthy Promotion Model by E-SAN Folk Healer's Wisdom. *Journal of Social Sciences, COES & RJ-JSS* Vol. 2 (2): 5-14.
- Philip, N. 1999. *Annotated Guides Myths and Legends*. London: DK
- Piper, J. M. 1993. *Rice in South-East Asia Cultures and Landscapes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Polunin, I. 1959. "The Muruts of North Borneo and Their Declining Population". *Transcript Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene*, Vol. 53 (3): 312-321.
- Rachman, D., Yuni Pratiwi dan Roekhan. 2012. *Kajian Mitos Masyarakat terhadap Folklor Ki Ageng Gribig*. Indonesia: Fakultas Sastra, Universitas Negeri Malang.
- Richard, J. T. 2005. Writing Integrative Literature Reviews: Guidelines and Examples Review. *Human Resource Development Review*, Vol. 4 (3): 356-367.

- Roikhwanphut Mungmachon. 2012. Knowledge and Local Wisdom: Community Treasure. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 2 (13): 174-181.
- Rutter, O. 1922. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*. London: Constable & Company Limited.
- _____. 1985 [1929]. *The Pagans of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press
- Salina Sahri dan Nang Naemah Nik Dahalan. 2013. Alam dan Kosmos. *Jurnal Al-Muqaddimah*, Vol. 1 (2): 52-72.
- Shaw, R. D. 1996. *From Long house to Village, Samo Social Change*. United States: Har Court Brace & Company.
- Shishir Subba. 2007. *Socio-cultural Construction of Illness, Oral Recitals of Genesis, Causes and Cure of Roga (naturally caused illnesses)*. Nepal: Kathmandu.
- Slamet Subiyantoro (eds.) 2013. *Keberagaman dan Kearifan Lokal: Konteks Pembelajaran Seni Budaya Bermartabat*. Surakarta: YUMA PUSTAKA.
- Sri Iswidayati. 2007. Fungsi Mitos dalam Kehidupan Sosial Budaya Masyarakat Pendukungnya. *Harmonia Jurnal Pengetahuan dan Pemikiran Seni*, Vol. VIII (2): 180-184.
- Taha Abd. Kadir. 1985. *Cerita Tradisi Sabah*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Talib Samat. 2002. *Selayang Pandang Dunia Sastera dan Penulisan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- The British Periodicals Chambers*, 2 September 1899.
- Toelken, B. 1996. *The Dynamics of Folklore*. Logan, Utah: Utah State University Press.
- Tongkul, F. 2002. *Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia*. Penampang: Pacos Trust.
- Tregonning, K. G. 1965. *A History of Modern Sabah*. Singapore: University of Malaya Press.
- Wan Yusof Hassan & Siti Hadiah Haji Abd. Mutalib (eds.) (1989). *Cerita Rakyat Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Webster, L. & Mertova, P. 2007. *Using Narrative Inquiry as a Research Method*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.

- Williams, T. R. 1963. The Form of a North Borneo Nativistic Behavior. *American Anthropologist*, Vol. **65** No. 3 (1): 543-551.
- Woolley, G. C. 1928. Murut Folktales. *Folklore*, Vol. **39** (3): 253-271.
- Yahaya Ismail. 2000. *The Cultural Heritage of Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.
- Zalila Shariff. 1999. *Merungkai yang Lama, Menongkah yang Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.